



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 821

AKTA KUMPULAN WANG JUBLI PULAU PINANG DAN SEBERANG PERAI 1965

(Disemak — 2019)

Teks ini HANYALAH TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara bagi Penang and Province Wellesley Jubilee Fund Act 1965[Act 821]. Melainkan jika dan sehingga ditetapkan sah di bawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32], teks ini bukan perundangan.

**AKTA KUMPULAN WANG JUBLI PULAU PINANG DAN
SEBERANG PERAI 1965**

Disemak sehingga 1 Disember 2019

Tarikh penyiaran dalam *Warta*
bagi edisi semakan ini 27 Disember 2019

Tarikh yang ditetapkan untuk mula
berkuat kuasanya edisi semakan ini
menurut perenggan 6(1)(xxiii) Akta
Penyemakan Undang-Undang 1968
[*Akta 1*] 27 Disember 2019

Pertama kali diperbuat dalam tahun 1965 sebagai
Akta Parlimen No. 77 tahun 1965

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 821

AKTA KUMPULAN WANG JUBLI PULAU PINANG DAN SEBERANG PERAI 1965

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran
3. Pemegang Amanah Kumpulan Wang
4. Pengerusi dan jagaan meterai
5. Pemeteraian dokumen
6. Jawatankuasa Am
7. Jawatankuasa kecil
8. Kuasa Pemegang Amanah untuk membuat kaedah-kaedah
9. Wang hendaklah dibankkan
10. Penandatanganan cek
11. Pelaburan
12. Akaun hendaklah disimpan dan diaudit
13. Bendahari mengemukakan akaun dan maklumat kepada Pemegang Amanah
14. Mesyuarat Pemegang Amanah

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 821

AKTA KUMPULAN WANG JUBLI PULAU PINANG DAN SEBERANG PERAI 1965

Suatu Akta untuk membuat peruntukan yang lebih baik bagi Kumpulan Wang Jubli Perak Pulau Pinang dan Seberang Perai.

[30 September 1965]

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kumpulan Wang Jubli Pulau Pinang dan Seberang Perai 1965.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Ketua Menteri” ertinya Ketua Menteri Pulau Pinang;

“Perbadanan” ertinya Perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“Kumpulan Wang” ertinya Kumpulan Wang Jubli Perak Pulau Pinang dan Seberang Perai dan termasuklah segala yuran, derma, bunga dan dividen yang dipungut atau diterima oleh Perbadanan bagi maksud Akta ini;

“Pemegang Amanah” ertinya Ketua Menteri, *ex officio*, dan tiga orang pemastautin di Negeri Pulau Pinang yang dilantik di bawah seksyen 3;

“Yang di-Pertua Negeri” ertinya Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Pemegang Amanah Kumpulan Wang

3. (1) Ketua Menteri, *ex officio*, dan tiga orang pemastautin di Negeri Pulau Pinang yang dilantik oleh Yang di-Pertua Negeri hendaklah menjadi Pemegang Amanah bagi Kumpulan Wang yang hendaklah menjadi suatu Perbadanan.

(2) Perbadanan hendaklah mempunyai nama “*Trustees of the Penang and Province Wellesley Silver Jubilee Fund*” dan adalah kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan.

(3) Perbadanan boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas namanya.

(4) Tujuan Kumpulan Wang adalah seperti yang berikut:

(a) untuk meringankan beban orang miskin dan yang memerlukan di Pulau Pinang; dan

(b) untuk menyenggara rumah atau penempatan di Pulau Pinang bagi orang miskin.

(5) Bagi maksud dan faedah Kumpulan Wang, Perbadanan boleh—

(a) membuat kontrak;

(b) memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati tiap-tiap perihalan harta alih dan harta tak alih;

(c) menjual, memindahkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, menggadaijanjikan, memajak atau selainnya melupuskan apa-apa harta alih atau harta tak alih yang terletak hak pada Perbadanan atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan; dan

- (d) mengutip dan menerima yuran, derma, bunga dan dividen.

Pengerusi dan jagaan meterai

4. Ketua Menteri hendaklah menjadi, *ex officio*, Pengerusi Perbadanan dan hendaklah mempunyai jagaan meterai Perbadanan.

Pemeteraian dokumen

5. Semua surat ikatan, dokumen atau surat cara lain yang dikehendaki oleh undang-undang untuk dimeterai hendaklah dimeterai dengan meterai Perbadanan di hadapan Pengerusi dan seorang Pemegang Amanah yang lain, dan hendaklah juga ditandatangani oleh setiap daripada mereka; dan penandatanganan itu hendaklah diambil sebagai keterangan yang mencukupi mengenai pemeteraian yang sewajarnya surat ikatan, dokumen dan surat cara lain itu.

Jawatankuasa Am

6. (1) Pemegang Amanah hendaklah melantik suatu Jawatankuasa Am yang terdiri daripada dua belas orang.

(2) Pemegang Amanah boleh melantik anggota Jawatankuasa Am sama ada secara am atau selama suatu tempoh yang dinyatakan, dan boleh, menurut budi bicara mereka, membatalkan pelantikan mana-mana anggota Jawatankuasa itu.

(3) Apabila mana-mana anggota Jawatankuasa Am terhenti untuk memegang pelantikan itu, Pemegang Amanah hendaklah melantik anggota baharu.

(4) Jawatankuasa Am hendaklah mempunyai kuasa penuh untuk menguruskan Kumpulan Wang itu dan untuk membelanjakan wang Kumpulan Wang itu bagi maksud yang dinyatakan dalam Akta ini, tetapi hendaklah tertakluk pada kawalan Pemegang Amanah.

(5) Jawatankuasa Am tidak boleh tidak berupaya untuk bertindak semata-mata oleh sebab terdapat apa-apa kekosongan dalam keanggotaan Jawatankuasa.

(6) Tiap-tiap Pemegang Amanah layak dilantik sebagai anggota Jawatankuasa Am.

(7) Pemegang Amanah hendaklah melantik seorang Setiausaha dan seorang Bendahari dan mana-mana pegawai lain sebagaimana yang difikirkan wajar oleh Pemegang Amanah bagi pengurusan Kumpulan Wang, dan boleh menurut budi bicara mereka, pada bila-bila masa memecat daripada pelantikannya mana-mana pegawai yang dilantik sedemikian.

Jawatankuasa kecil

7. (1) Jawatankuasa Am boleh melantik jawatankuasa kecil yang terdiri daripada anggota Jawatankuasa dengan tambahan mana-mana orang lain sebagaimana yang dihasratkan oleh Jawatankuasa dengan kelulusan Pemegang Amanah.

(2) Jawatankuasa Am boleh pada bila-bila masa, memecat mana-mana orang lain yang dilantik di bawah subseksyen (1) dan melantik mana-mana orang lain sebagai ganti mereka dengan kelulusan Pemegang Amanah.

(3) Jawatankuasa Am boleh mewakilkan apa-apa kuasa sebagaimana yang difikirkannya patut kepada jawatankuasa kecil.

Kuasa Pemegang Amanah untuk membuat kaedah-kaedah

8. Pemegang Amanah boleh membuat kaedah-kaedah yang mengadakan peruntukan bagi kewajipan dan tatacara Jawatankuasa Am dan jawatankuasa kecil.

Wang hendaklah dibankkan

9. Segala wang yang dipunyai, atau dipungut atau diterima oleh, Perbadanan, hendaklah didepositkan ke dalam bank Perbadanan.

Penandatanganan cek

10. (1) Semua cek yang dikeluarkan daripada akaun bank Perbadanan hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Jawatankuasa Am dan hendaklah ditandatangani balas oleh Bendahari.

(2) Bank boleh membayar semua cek yang dikeluarkan terhadap akaun itu yang telah ditandatangani dan ditandatangani balas sedemikian.

Pelaburan

11. (1) Wang daripada Kumpulan Wang boleh dilaburkan oleh Perbadanan dalam apa-apa sekuriti yang dalamnya pemegang amanah diberi kuasa oleh undang-undang untuk melaburkan kumpulan wang amanah.

(2) Semua pelaburan hendaklah dibuat atas nama Perbadanan.

Akaun hendaklah disimpan dan diaudit

12. Bendahari hendaklah menyimpan akaun Kumpulan Wang yang hendaklah diaudit oleh Ketua Audit Negara.

Bendahari hendaklah mengemukakan akaun dan maklumat kepada Pemegang Amanah

13. Bendahari hendaklah mengemukakan kepada Pemegang Amanah suatu penyata tahunan akaun yang diaudit di bawah seksyen 12 dan hendaklah memberi Pemegang Amanah apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh Pemegang Amanah.

Mesyuarat Pemegang Amanah

14. (1) Mesyuarat Pemegang Amanah hendaklah diadakan di mana-mana tempat dan pada bila-bila masa sebagaimana yang difikirkan patut oleh Ketua Menteri.

(2) Dua orang Pemegang Amanah, yang Ketua Menteri hendaklah menjadi salah seorang daripadanya, hendaklah membentuk suatu kuorum.

(3) Dalam keadaan bilangan undi yang sama banyak, Ketua Menteri hendaklah mempunyai undi kedua atau undi pemutus.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 821

**AKTA KUMPULAN WANG JUBLI PULAU PINANG DAN
SEBERANG PERAI 1965**

(Disemak—2019)

*Butir-butir di bawah perenggan 7(ii) dan (iii) Akta
Penyemakan Undang-Undang 1968 [Akta 1]*

SENARAI PINDAAN

Undang-undang
yang meminda

Tajuk ringkas

Berkuat kuasa
dari

-TIADA-

SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIANNYA YANG
DIGANTIKAN

No.

Tajuk

Akta No. 77 tahun 1965 Akta Kumpulan Wang Jubli Pulau Pinang dan Seberang
Perai, 1965

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 821

**AKTA KUMPULAN WANG JUBLI PULAU PINANG DAN
SEBERANG PERAI 1965**

(Disemak—2019)

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen

Kuasa meminda

Berkuat kuasa
dari

-TIADA-

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 821

AKTA KUMPULAN WANG JUBLI PULAU PINANG DAN SEBERANG PERAI 1965

(Disemak—2019)

SENARAI PINDAAN YANG DIBUAT OLEH PESURUHJAYA
PENYEMAK UNDANG-UNDANG DI BAWAH SEKSYEN 6
AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968 [AKTA 1]

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
Susunan kandungan	Diubah	perenggan 6(1)(vii)
Keseluruhan Akta	<ol style="list-style-type: none"> 1. Perkataan “Yang di-Pertua Negeri” menggantikan “Governor” 2. Perkataan “subcommittees” menggantikan “sub-committees” 3. Nota bahu menggantikan nota birai 4. Noktah pada akhir nota bahu ditinggalkan 	<p>perenggan 6(1) (xvii)</p> <p>perenggan 6(1)(xv)</p> <p>perenggan 6(1) (xxiv)</p> <p>perenggan 6(1)(xvi)</p>
Tarikh kuat kuasa	Perkataan “ <i>30 September 1965</i> ” menggantikan “ <i>30th September, 1965</i> ”	perenggan 6(1)(iii)
Ayat mengundang-undangkan	Ditinggalkan	subperenggan 6(1)(i)(f)
seksyen 1	Koma sebelum perkataan “1965” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xvi)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
seksyen 2	<p>1. Dalam tafsiran “Fund” —</p> <p>a. koma menggantikan perkataan “and”</p> <p>b. Perkataan “collected and” dimasukkan selepas perkataan “dividends”</p> <p>2. Tafsiran “Trustees” dimasukkan selepas tafsiran “Fund”</p> <p>3. Dalam tafsiran “Governor”, perkataan “Yang di-Pertua Negeri” menggantikan “Governor”</p>	<p>perenggan 6(1)(xvi)</p> <p>perenggan 6(1)(iii)</p> <p>perenggan 6(1)(xxiv)</p> <p>perenggan 6(1)(xvii)</p>
seksyen 3	Dalam nota bahu, perkataan “Trustees of the Fund” menggantikan “Trustees of the Penang and Province Wellesley Silver Jubilee Fund”	perenggan 6(1)(xxi)
perenggan 3(1)(a)	Disusun semula dan dinomborkan semula sebagai subseksyen 3(1) dengan perubahan berbangkit dibuat	perenggan 6(1)(xii), (xiii), (xxi) dan (xxiv)
perenggan 3(1)(b) dan (c)	Disusun semula dan dinomborkan semula sebagai subseksyen 3(2) dengan perubahan berbangkit dibuat	perenggan 6(1)(xii), (xiii), (xxi) dan (xxiv)
subseksyen 3(2)	Disusun semula, dibahagi dan dinomborkan semula sebagai subseksyen 3(3) dan perenggan 3(5)(a) hingga (d) dengan perubahan berbangkit dibuat	perenggan 6(1)(xii), (xiii) dan (xxiv)
subseksyen 3(3)	Disusun semula, dibahagi dan dinomborkan semula sebagai perenggan 3(4)(a) dan (b) dengan perubahan berbangkit dibuat	perenggan 6(1)(xii), (xiii), (xxi) dan (xxiv)
seksyen 4	1. Dalam nota bahu, perkataan “custody” menggantikan “keeper”	perenggan 6(1)(iii)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
	2. Perkataan “the” dimasukkan sebelum perkataan “Chairman”	perenggan 6(1)(xv)
seksyen 5	Perkataan “the signing” menggantikan “such signing”	perenggan 6(1)(xxi)
subseksyen 6(2) hingga 6(6)	Perkataan “General” dimasukkan sebelum perkataan “Committee” di mana-mana jua terdapat, kecuali di baris terakhir subseksyen (2) dan (5)	perenggan 6(1)(iii)
subseksyen 6(2)	Perkataan “revoke” menggantikan “cancel”	perenggan 6(1)(iii)
subseksyen 6(7)	Perkataan “as the Trustees consider” menggantikan “as they may consider”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxi)
subseksyen 6(8)	1. Disusun semula, dibahagi dan dinomborkan semula sebagai subseksyen 7(1) hingga (3) dengan perubahan berbangkit dibuat	perenggan 6(1)(xii), (xiii), dan (xxiv)
	2. Nota bahu “ Subcommittees ” dimasukkan sebelum seksyen baharu 7	perenggan 6(1) (xxiv)
subseksyen 6(9)	1. Dinomborkan semula sebagai seksyen 8	perenggan 6(1)(xii)
	2. Nota bahu “ Power of Trustees to make rules ” dimasukkan sebelum seksyen baharu 8	perenggan 6(1)(xxiv)
seksyen 7	1. Dinomborkan semula sebagai seksyen 9	perenggan 6(1)(xii)
	2. Perkataan “received from subscribers, and all other moneys” selepas perkataan “All moneys” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
seksyen 8	Dinomborkan semula sebagai seksyen 10	perenggan 6(1)(xii)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
seksyen 9	1. Dinomborkan semula sebagai seksyen 11	perenggan 6(1)(xii)
	2. Perkataan “The moneys of” menggantikan “Moneys belonging to”	perenggan 6(1)(xxi)
seksyen 10	1. Dinomborkan semula sebagai seksyen 12	perenggan 6(1)(xii)
	2. Koma selepas perkataan “Fund” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xvi)
	3. Perkataan “Auditor General” menggantikan “Auditor-General”	perenggan 6(1)(xv)
seksyen 11	1. Dinomborkan semula sebagai seksyen 13	perenggan 6(1)(xii)
	2. Perkataan “under” menggantikan “as provided in”	perenggan 6(1)(xxi)
	3. Perkataan “seksyen 12” menggantikan “seksyen 10”	perenggan 6(1)(xix)
	4. Koma sebelum perkataan “and shall” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xvi)
	5. Perkataan “from time to time” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
seksyen 12	1. Dinomborkan semula sebagai seksyen 14	perenggan 6(1)(xii)
	2. Perkataan “thinks” menggantikan “may consider”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxi)
seksyen 13	Ditinggalkan	subperenggan 6(1)(i)(a)
